

# KEWAJIPAN DAN TANGGUNGAN KITA KEPADA MASYARAKAT

## Cara Memperbaiki Kerosakannya

Iman yang sempurna – kekuasaan pemerintah yang disegani – menegakkan keadilan yang mutlak – mewujudkan ketenteraman masyarakat – hidup bertolongan – hidup bercita-cita – Demikian enam perkara yang sangat penting dalam memperbaiki kerosakan masyarakat.

(Oleh: Abdul Rahman Yaakub)

Bagi memperbaiki masyarakat kita supaya sesuai dengan ajaran Islam, wajib diwujudkan enam perkara ini yang menjadi ubat penawarnya:

### 1. Iman yang sempurna

Iman yang sempurna ialah keyakinan yang teguh dalam hati kepada Allah *subḥānahu wa ta ‘ālā*, serta membuktikan dengan amalan anggota akan segala perintah-Nya. Maka dengan iman ini, manusia sanggup memalingkan dirinya dari berbagai-bagai jenis maksud dan perbuatan-perbuatan yang terkutuk. Iman ini melahirkan budi yang mulia, sanggup menekan perasaannya dalam sesuatu masa yang dikehendaki, sanggup menyembunyikan rahsia dan lain-lain sebagainya.

Baginya ada pengawal batin, baik di hadapan orang ramai atau pun di tempat sunyi, bahkan menjadi penasihat yang baik dalam masa hati sedang marah dan risau.

Setengah ahli falsafah yang bijak pandai mengatakan:

Adab itu terbahagi dua. Pertama: Adab syariah, Kedua: Adab siasah. Adab syariah itu ialah menunaikan kewajipan, dan adab siasah ialah mewujudkan kemakmuran di bumi. Kedua-duanya itu mestilah berpokok pula kepada keadilan yang menjadi syarat mutlak

bagi keselamatan pemerintahan dan kemakmuran negara. Orang yang tidak menjalankan kewajipan bererti telah menganiayai dirinya sendiri, dan orang membuat honar di bumi bermakna telah menganiayai dirinya sendiri dan orang lain.

### 2. Kekuasaan pemerintah yang disegani

Saidina Uthman bin Affan *radī Allāhu ‘anhu* berkata: “Sesungguhnya Allah *subḥānahu wa ta ‘ālā* menegakkan undang-undang-Nya ialah dengan kekuasaan, barang yang tidak dapat ditegakkan dengan Quran semata-mata.”

Maka pemerintah yang berkuasa selain dari memperlindungi rakyat, hendaklah ia menjadi guru kepada rakyat. Orang-orang besar yang menjalankan undang-undang dan segala peraturan, mempunyai tanggungjawab yang berat, bukan sahaja terhadap masyarakat tetapi juga terhadap Allah ‘azza wa jalla.

Pemerintah hendaklah menjadi ikutan masyarakat. Oleh sebab itu jika pemerintah berlaku zalim, nescaya masyarakat turut terkait dalam hukum kezaliman itu, dan sebaliknya jika pemerintah itu adil. Pemerintah

bertanggungjawab memimpin rakyat ke arah kemajuan, menjaga kesucian agama dan menggalakkan supaya segala peraturan-peraturan agama itu diamalkan. Pemerintah hendaklah berusaha memelihara rakyat supaya jangan timbul di antara mereka permusuhan dalam agama, dan menjaga supaya jangan terjadi perkuasaan terhadap harta benda dan jiwa.

Dalam hal ini, Rasulullah (SAW) telah memberi suatu kesimpulan, maksud-Nya:

“Pemimpin yang baik ialah yang mencintai dan dicintai oleh rakyat, dan pemimpin yang jahat ialah yang membenci dan dibenci oleh rakyat, mengutuki dan dikutuki oleh rakyat.” (*Al-hadīth*)

### 3. Menegakkan keadilan yang mutlak

Keadilan ialah suatu perkara yang dapat menguatkan dasar tegaknya suatu masyarakat dan pemerintahan. Di dalamnya terkandung daya penarik kepada taat, menimbulkan rasa kasih dan mewujudkan kemakmuran.

Mengenai soal keadilan ini, Allah ‘azza wa jalla berfirman, maksud-Nya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh berbuat adil dan kebajikan”- 90, *al-Nahl*.

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu tegakkan keadilan itu serta menjadi saksi atas kebenaran kerana Allah, walaupun terhadap diri kamu sendiri atau terhadap dua ibu bapa dan kaum kerabat kamu sekalipun. Jika ia kaya atau miskin maka Allah lebih mengetahui akan hal mereka berdua (si kaya atau si miskin itu). Oleh itu janganlah kamu menurut hawa nafsu, sebab dikhawatir kamu akan berpaling (daripada kebenaran) . . .” 135, *al-Nisā’*

Mengenai soal keadilan ini juga, Rasulullah

(SAW) bersabda, maksud-Nya:

“ Ada tiga perkara yang dapat menyelamatkan manusia, dan tiga perkara yang mencelakakannya. Adapun yang menyelamatkan itu ialah kesanggupan berlaku adil pada masa marah atau pun pada masa tenang, kemudian takut kepada Allah dalam masa berada seorang diri atau di hadapan orang ramai, dan bercermat pada masa kaya dan pada masa miskin. Adapun yang mencelakakan itu pula, ialah sifat bakhil, menurut hawa nafsu dan ‘ujub (megah) kepada diri sendiri” – (*Al-hadīth*)

Melaksanakan keadilan:

Melaksanakan keadilan itu ada terkandung di dalam beberapa hal, di antaranya:

1). Keadilan terhadap terhadap diri sendiri, dan memeliharanya daripada segala jenis kekejadian. Tidak melakukan perbuatan yang melampaui batas, dan tidak pula melakukan perbuatan yang sia-sia, yang kerananya seseorang itu terhitung telah menganiaya dirinya sendiri. Orang yang menganiaya dirinya sendiri akan lebih mudah pula melakukan penganiayaan kepada orang yang lain.

2). Keadilan manusia kepada orang bawahnya. Misalnya pemimpin terhadap rakyat, atau ketua terhadap orang yang di bawah kuasanya, atau majikan terhadap buruhnya.

3). Keadilan manusia terhadap orang atasnya. Seperti keadilan rakyat terhadap pemerintahnya, atau pengikut terhadap pemimpinnya, atau buruh terhadap majikannya. Mereka pun (pihak bawah), hendaklah menunjukkan taat dan kesucian hati serta sanggup mengakui kebenaran dan menurut peraturan.

### 4. Mewujudkan ketenteraman masyarakat

Ketenteraman masyarakat adalah suatu hal yang melegakan

fikiran, melenyapkan rasa curiga, menumbuhkan cita-cita yang baik, dan juga menjauhkan rasa takut dan cemas. Perasaan yang sentiasa diliputi oleh curiga mencurigai, takut dan cemas kerana gangguan keamanan selalu menyebabkan terhentinya perbuatan-perbuatan yang berguna dan menghalangi cita-cita mencapai kemajuan. Baik ketakutan itu kerana diri dan keluarga, ataupun kerana harta kekayaan dan sebagainya.

## **5. Hidup bertolong-tolongan**

Dengan bertolong-tolongan dapatlah meringankan beban masyarakat. Pepatah mengatakan: "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing." Golongan kecil dibela oleh golongan besar. Golongan mampu, menolong orang yang tidak mampu. Sudah barang tentu kehidupan bertolong-tolongan yang seperti itu akan melenyapkan segala jenis tipu menipu dan perkosa memperkosai.

Tidaklah lagi orang kaya memandang hina kepada orang miskin sehingga akan terjadilah suatu ikatan masyarakat yang kuat, diikat oleh rasa cinta mencintai.

## **6. Hidup bercita-cita**

Mengenai soal ini, Rasulullah (SAW) bersabda, maksud-Nya: " Cita-cita itu ialah rahmat daripada Allah bagi umatku" - (*Al-hadīth*).

Hidup bercita-citalah yang dapat menyambung perjuangan nenek moyang pada masa yang lalu, lebih-lebih lagi dalam menegakkan ketinggian agama Islam dengan menurut jejak Rasulullah (SAW) bagi menyempurnakan tujuan hidup.

Inilah enam perkara yang sayugia diamalkan dalam usaha memperbaiki kerosakan masyarakat, yang menjadi kewajipan mewujudkannya dengan segala daya upaya di tengah-tengah masyarakat kita.

## **Kenyataan kepada Anggota-anggota**

### **Ikhwan**

Pimpinan Ikhwan dari satu ke satunya berharap mendapat kerjasama dari anggota Ikhwan. Ikhwan selalu mengadakan ceramahnya di Singapura dan untuk memberi peluang kepada saudara yang di luar Singapura maka kami mengusahakan supaya ceramah-ceramah itu dibukukan.

Ceramah yang pertama yang diucapkan oleh Prof Abdul Kahar Muzakkir telah kami siarkan.

Yang kedua – Risalah “Kesedaran” telah kami siarkan dan telah mendapat perhatian.

Yang ketiga ucapan Kiyai Muhammad Arshad Talib Lubis sudah kami usahakan, juga ucapan Kiyai Nasruddin Latif tentang “Rumahtangga” sedang kami usahakan untuk dibukukan.

Bagi satu risalah itu kami tidak meminta bayaran harganya daripada anggota Ikhwan tetapi kami meminta tiap-tiap seorang menghantar setem 10 sen untuk belanja mengirimnya – lainnya tidak.

Tujuannya ialah supaya tiap-tiap anggota Ikhwan mendapat faedah dan manfaatnya dengan tidak berbelanja – selain daripada setem.

Pintalah kepada:

### **IKHWAN**

356 & 358, Geylang Rd.,

Singapore-14.